

# Rencana-Rencana/Articles

## Kod Lokasi Bahan Undang-Undang Di Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya

oleh  
Shaikha Zakaria\*

*Abstract: The Law Library of the University uses the Los Angeles County Law Library scheme of classification. This scheme was however found to be unsuitable for local conditions and needs. In this article the author informs us of the special system of location symbols which she devised to distinguish the various forms of legal materials. A subject classification for legal textbooks was also devised. This system has been used successfully in the Law Library, University of Malaya since 1975. Several other local libraries have also started using this system for their collection of legal materials.*

Bahan undang-undang adalah bahan yang berlainan bentuknya daripada bahan-bahan dari disiplin lain. Ini ialah kerana bahan undang-undang terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu bahan-bahan sumber utama (Primary sources) dan bahan-bahan sekunder (Secondary sources). Bahan-bahan sumber utama adalah bahan statut, perundangan dan laporan undang-undang atau kes-kes. Bahan sekunder pula merupakan bahan-bahan jurnal dan buku-buku teks.

Sesebuah Perpustakaan Undang-undang harus mengambil kira keanehan bahan undang-undang seperti yang tersebut di atas jika ingin koleksinya digunakan dengan senang dan lancar oleh pembacanya.

Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya, menggunakan sekim pengelasan Los Angeles County Law Library System. Ini ialah kerana sekim klasifikasi Library of Congress hingga kini belum mem-

punyai jadual yang lengkap bagi disiplin undang-undang, iaitu Jadual K. Namun demikian sekim klasifikasi Los Angeles yang tersebut didapati tidak sesuai untuk digunakan terus bagi bahan undang-undang tempatan. Kakitangan akademik Fakulti Undang-undang mendesak pihak Perpustakaan supaya menyemak sekim klasifikasi yang digunakan itu. Penulis telah ditugaskan dalam tahun 1975 untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut dan menyesuaikan sekim pengelasan bahan undang-undang mengikut kehendak tenaga pengajar.


Sekim klasifikasi Los Angeles County Law Library System menyusun bahan mengikut negeri dahulu dan kemudian bentuk bahan. Sekim-sekim lain yang disemak oleh penulis juga menyusun bahan undang-undang mengikut negeri.

Selepas mengkaji dengan teliti masalah yang berkenaan penulis telah membentuk satu sistem di

\*Pustakawan Undang-undang sehingga 13 Julai 1984.

mana kod-kod digunakan untuk membahagikan bahan undang-undang kepada bentuk bahan. Kod-

kod tersebut digunakan di awal tanda klasifikasi Los Angeles, misalnya:



Dengan menggunakan kod-kod lokasi tersebut, dengan sendirinya bahan-bahan statut dan laporan undang-undang terbahagi kepada 1) bentuk bahan dan 2) negeri. Bahan jurnal yang diberi kod C terkumpul dalam satu susunan berabjad mengikut judul jurnal untuk memudahkan rujukan oleh para pembaca.

Buku-buku teks pula diberi kod huruf D dan nombor mengikut tajuk perkara supaya semua bahan dalam sesuatu perkara atau bidang tersusun bersama. Misalnya di kod lokasi D8 akan terdapat semua bahan mengenai undang-undang Islam, di D30 undang-undang kontrak, di D53 buku-buku teks undang-undang antarabangsa, dan sebagai. Kod-kod lokasi tersebut diberi dalam Lampiran.

Kini sistem ini digunakan dengan jayanya di Perpustakaan Undang-undang, Universiti Malaya sejak tahun 1975. Ia juga dilaksanakan di Institut Teknologi MARA dan Universiti Islam Antarabangsa bagi bahan-bahan undang-undang. Ada kemungkinan sistem kod lokasi ini akan juga digunakan oleh Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia apabila Fakulti Undang-undang mereka ditubuhkan pada tahun 1986 kelak.

**KOD-KOD LOKASI BAGI  
BAHAN UNDANG-UNDANG  
PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI MALAYA**

A — Bahan-bahan statut (Statutes)

- B — Laporan perundangan (Law reports)
- C — Jurnal (Journals)
- CR — Laporan Jawatankuasa Undang-undang (Law Commission report)
- D — Buku-buku teks (Textbooks)
- D1 — Bahan-bahan am (General works)
- D1.1 — Bahan-bahan mengenai orang-orang cacat (Works on the handicapped)
- D2 — Bahan rujukan (Reference Works)
- D3 — Profesional undang-undang, pendidikan dan penyelidikan (Legal profession, education and research)
- D4 — Jurispruden (Jurisprudence)
- D5 — Undang-undang perbandingan (Comparative law)
- D6 — Undang-undang lama (Ancient & medieval laws)
- D7 — Sistem undang-undang berugama (Religious legal systems: Hindu Jewish, etc.)
- D8 — Undang-undang Islam (Islamic Law)
- D9 — Negara-negara yang menggunakan sistem undang-undang civil law (Civil law countries)
- D10 — Undang-undang Cina (Chinese law)
- D11 — Undang-undang Indonesia (Indonesian law)
- D12 — Sejarah undang-undang (Legal history)
- D13 — Perundangan. Penggubalan undang-undang. (Legislation. Legislative Drafting)
- D14 — Undang-undang perlembagaan (Constitutional law)

- D15 – Undang-undang pentadbiran (Administrative law)
- D16 – Kerajaan tempatan (Local Government)
- D17 – Undang-undang mengenai perdagangan, pertanian, ekonomi, dan lain-lain. (Regulation of trade, agriculture, economy, etc)
- D18 – Undang-undang mengenai pendidikan, kesihatan, dan lain-lain. (Public services: Regulation of education, health, etc.)
- D18.1 – Perlindungan atau hak pengguna (Consumer protection)
- D19 – Kewangan. Cukai. (Public finance. Taxation)
- B20 – Pentadbiran keadilan undang-undang (Administrative of justice)
- D21 – Undang-undang dan prosedur jenayah (Criminal law and procedure)
- D22 – Keterangan (Evidence)
- D23 – Jurisprudens perubatan (Medical jurisprudence)
- D24 – Kriminologi (Criminology and penology)
- D25 – Amalan dan acara sivil (Civil practice and procedure)
- D26 – Undang-undang Syarikat (Company law)
- D26.1 – Kebankrapan (Bankruptcy)
- D27 – Undang-undang perdagangan (Commercial Law)
- D28 – Insuran (Insurance)
- D29 – Undang-undang buruh (Industrial/Labour law)
- D30 – Kontrak (Contract)
- D31 – Agensi (Agency)
- D32 – Tort (Torts)
- D33 – Undang-undang hak milik (Personal property)
- D34 – Pewarisan (Inheritance and succession)
- D35 – Undang-undang tanah (Land law, property)
- D36 – Undang-undang hak milik perdagangan dan persuratan (Industrial and intellectual property)
- D37 – Ekuiti dan amanah (Equity and trust. Charities)
- D38 – Undang-undang keluarga (Family law)
- D38.1 – Undang-undang dan kependudukan (Law and population)
- D39 – Undang-undang adat (Customary law)
- D40 – Undang-undang tentera (Military law)

#### **UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA**

- D50 – Perjanjian (Treaties)
- D51 – Laporan kes-kes (Reports of cases and digests)
- D52 – Dokumen-dokumen United Nations (United Nations documents)
- D53 – Buku-buku teks undang-undang antarabangsa (International law textbooks)
- D54 – Undang-undang laut (Law of the sea)
- D55 – Undang-undang perkapalan (Shipping law)
- D56 – Undang-undang ruang angkasa (Air and space law)
- D57 – Undang-undang ekonomi antarabangsa (International economic law)
- D58 – European Economic Community (Kumpulan Ekonomi Eropah)
- D90 – Pertelingkahan undang-undang (Conflict of laws)